

'Untukmu' PM capai matlamat

Oleh NORIMY AIMI

29 DEC 1993

KONSERT 'Untukmu' yang diadakan di Auditorium Besar Angkasapuri, Kuala Lumpur semalam berjaya mencapai matlamatnya, ke arah menghargai jasa-jasa dan sumbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Konsert yang berlangsung di dalam suasana meriah dan penuh warna-warni ini adalah sempena lawatan rasmi Perdana Menteri dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah ke kompleks Angkasapuri.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan isteri, Timbalannya Railey Jeffry dan Ketua Setiausaha Kementerian itu, Yahya Yacob.

Sebelum konsert bermula, Dr. Mahathir telah melancarkan *montage* atau pe-

ngenalan baru bagi dua saluran televisyen RTM bagi tahun 1994 di mana ia akan dikenali sebagai 'Saluran Emas' (TV2).

Kemudian konsert ini dimulakan dengan penampilan segmen 'Laguku Untukmu' dengan membariskan artis-artis popular tanah air seperti Yusni Hamid, Roy, Ning Baizura, N.D. Lala, Syafinaz, Izzaka, Leina, Isa (Gravity), Carol Oormila dan Ozie.

Keanggunan penyanyi wanita ditonjolkan menerusi gaya pakaian tradisional yang bercirikan kesopanan dan keindahan.

Mesej penyatuan kaum di negara ini pula dipaparkan menerusi persembahan lagu-lagu 'medley' seperti *Satu Suara* dan *Antara Dua Zaman* yang menggabungkan empat penyanyi iaitu Izzaka, Isa, Syafinaz dan Ozie.

Konsert ini diteruskan

dengan segmen yang menggambarkan mengenai bagaimana alam kanak-kanak melangkah kepada alam remaja, di mana ia berjaya mencuit hati penonton dengan kemunculan seramai sembilan orang penyanyi cilik.

Kemas

Kumpulan yang berbakat ini menggelarkan diri mereka sebagai 'Bat Latif Junior'. Tarian mereka yang cukup kemas diserikan pula dengan nyanyian lagu *ABC* oleh N.D. Lala yang beraksi sebagai guru kelas.

Kemudian diikuti pula dengan persembahan nyanyian oleh tujuh remaja yang menggambarkan mesej kebersihan alam sekitar.

Sekumpulan pelajar gabungan dua buah sekolah menengah di ibu kota iaitu Sri Puteri dan Convent

Bukit Nanas telah mendendangkan lagu *Untukmu Malaysia dan Padamu Malaysia*.

Sketsa berjudul 'Keluarga Wawasan' yang dijajakan oleh Fauziah Nawi dan Omar Abdullah selaku ibu bapa kepada empat pelakon kanak-kanak juga mendapat perhatian.

Di sebalik lawak jenaka, mereka cuba menampilkan mesej keluarga berwawasan.

Kecintaan terhadap kedamaian pula diterapkan menerusi lagu *Falsafah Cinta* nyanyian Yusni Hamid dan Leina. Turut diperkenalkan ialah kumpulan dikir barat Kumpulan Penonton Pendengar dan Pembaca (K3P) yang baru ditubuhkan di Kelantan. Kumpulan ini mendendangkan lagu *Wira*.

Artis baru, Ning Baizura pula menyusul dengan lagu *Mungkin* dari

album pertamanya manakala Roy pula menyanyikan lagu *Warisan*.

Kesemua artis berganding, ketika menyanyikan lagu *Lagenda* diiringi dengan tayangan 'klips video' aktiviti Dr. Mahathir sepanjang tahun ini termasuk perasmian kereta

Proton Iswara dan Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA '93).

Bersesuaian dengan kedatangan Tahun Melawat Malaysia 1994, segmen terakhir dihiasi dengan dendangan lagu *Fascinating Malaysia* oleh Syafinaz dan Carol.

Persembahan ini diiringi oleh tarian yang memaparkan pelbagai kaum di negara ini dengan penari wanita diusung di atas tandu buluh.

Di akhir persembahan, Dr. Mahathir dan isteri diiringi oleh Datuk Mohamed Rahmat menuju ke

pentas untuk beramah-mesra dengan para artis.

Mereka menyanyikan lagu *Selamat Hari Jadi* dalam satu acara mengesjut bagi meraikan hari jadi Dr. Mahathir baru-baru ini serta ulang tahun ke-30 siaran televisyen dilancarkan.